

16/08/1999

Pemuda BN sedia bincang isu

Zulkofli Jamaludin

KUALA LUMPUR, Ahad - Pergerakan Pemuda Barisan Nasional (BN) bersedia membincangkan isu yang dianggap sensitif dalam mesyuarat tertutup untuk mengukuhkan kerjasama parti komponen, yang mewakili rakyat pelbagai kaum.

Bagaimanapun, Pemangku Pengerusinya, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, berkata pihak yang ingin membangkitkan isu itu perlu mengemukakan alasan munasabah untuk menyokong hujah mereka.

Sehubungan itu, beliau meminta Pemuda PPP mengemukakan alasan kukuh untuk menyokong permintaan mereka supaya kerajaan mengkaji semula kuota kemasukan pelajar Bumiputera ke universiti.

"Sebelum ini saya meminta Pemuda Gerakan mengemukakan bukti, termasuk mendapatkan pandangan pelajar universiti mengenai Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) yang ingin dipinda," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas berucap pada perhimpunan pertama Pemuda PPP di sini hari ini, beliau berkata Pemuda BN kini mengamalkan sikap terbuka dan boleh membincangkan isu sensitif dalam mesyuarat tertutup.

Perhimpunan Pemuda PPP itu dirasmikan Presidennya, Datuk M Kayveas.

Sebelum itu, Ketua Pemuda PPP, T Murugiah, dalam ucapannya meminta kuota kemasukan pelajar ke universiti dikaji semula bagi memberi peluang yang sama kepada kaum lain untuk melanjutkan pelajaran.

Murugiah berkata, langkah itu perlu kerana kenaikan kos pengajian dan ia boleh diatasi jika kerajaan mewujudkan lebih banyak universiti untuk semua kaum di negara ini.

Hishammuddin berkata, perbincangan isu sensitif dalam mesyuarat tertutup adalah pendekatan yang diamalkan pucuk tertinggi BN selama ini, tanpa menjejaskan hubungan parti komponen.

Mengulas mengenai khabar angin dalam Internet mengenai keganasan akan berlaku ketika Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berada di luar negara, Hishammuddin berkata:

"Rakyat kini tidak akan terpengaruh dengan surat layang dan khabar angin yang tersiar dalam Internet, berbanding ketika Datuk Seri Anwar Ibrahim, baru dipecat daripada kerajaan dan parti dahulu.

"Rakyat juga semakin sedar tohmahan yang disiarkan itu adalah tidak berasas dan lambat laun kebenaran akan terbukti dengan sendirinya."

Hishammuddin berkata, apa yang disiarkan dalam Internet perlu ditapis sepenuhnya kerana laporan kononnya akan berlaku kekacauan di Chow Kit suatu ketika dulu ternyata tidak benar.

Katanya, berita seumpama itu sengaja disiarkan oleh pihak tertentu kerana cemburu dengan kejayaan Malaysia, yang rakyatnya hidup dalam keadaan aman dan bersatu.

Sehubungan itu, katanya, Pemuda akan menentang habis-habisan sebarang usaha pihak asing mahupun dalam negara, yang cuba menggugat kestabilan serta perpaduan dinikmati selama ini.

Sementara itu, ketika berucap pada majlis perasmian dan penutup Kursus Gerak Gempur Pemuda Perkasa Umno bahagian Kepong di Kem Wawasan Perdana, di Rawang dekat sini, Hishammuddin berkata, Pemuda perlu menunjukkan iltizam yang tinggi kepada parti. Katanya, Pemuda perlu membulatkan tekad dan berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan semua calon BN menang dengan majoriti besar dalam pilihan raya umum akan datang.

"Saya yakin dengan kesungguhan yang ditunjukkan oleh semua ahli Pemuda di peringkat negeri dan bahagian, kita mampu memenangi pilihan raya dengan

majoriti besar," katanya.

(END)